



KEMENTERIAN KERJA RAYA

Teks Ucapan Majlis Makan Malam

**Yang Berhormat Tuan Baru Bian
Menteri Kerja Raya**

**Sempena Mesyuarat Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia
Tahun 2018**

07 Julai 2018 (Sabtu), 8.00 Malam

Dewan Seri Mentaloon

Kediaman Rasmi YAB Menteri Besar Kedah

Terima kasih kepada saudara/saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat

Dato' Sri Mukhriz bin Tun Mahathir

Menteri Besar Kedah

Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Bakar bin Din

Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

Yang Berhormat

Dato' Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim,
Pegawai Kewangan Negeri Kedah

Yang Berbahagia

Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia

Dato' Sri Dr Roslan bin Md Taha
Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia

Tuan Ir. Wan Mohamad Hilmi bin Wan Mahmud

Pengarah JKR Negeri Kedah Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Pengelola Mesyuarat Pegawai Kanan JKR
Malaysia 2018

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Dato'- Dato', Datin-Datin, Pegawai-pegawai Kanan JKR Malaysia
dan Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Selamat Malam dan Salam sejahtera.

Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dengan keizinan-Nya jua kita berjaya merealisasikan Majlis Makan Malam Negeri sempena Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2018. Sesungguhnya kejayaan ini adalah hasil kerjasama dan komitmen erat daripada semua ahli jawatankuasa yang terlibat. Terima Kasih saya ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus dan saling sokong menyokong di antara satu sama lain serta usaha padu untuk menghimpunkan pegawai Kanan JKR untuk sama-sama mengeratkan lagi silaturrahim antara kita. Semoga pada masa akan datang kita masih diberi ruang dan kesempatan untuk bersua muka lagi.

2. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini mewakili Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan YAB Dato' Seri Mukhriz bin Tun Mahathir sebagai Menteri Besar Kedah yang baharu serta rakaman penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Amat Berhormat Dato' Seri selaku Menteri Besar Kedah mewakili Kerajaan Negeri Kedah yang sudi meluangkan

masa serta menjadi tuan rumah Majlis Makan Malam pada malam ini.

3. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya serta semua delegasi JKR seluruh Malaysia yang turut bersama-sama memeriahkan majlis malam ini.

MESYUARAT SOC 2018

4. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia 2018 ini akan berlangsung selama tiga hari iaitu bermula 06 Julai hingga 09 Julai 2018. Program ini mengumpulkan seramai 378 orang peserta yang terdiri dari Pegawai-pegawai Kanan JKR dari pelbagai Cawangan, Negeri, Daerah serta Kementerian lain yang berjawatan Kader. Untuk makluman YAB Dato' Seri, terdapat lapan (8) kertas kerja yang akan dibentangkan pada Mesyuarat kali ini merangkumi pelbagai isu dan perkara yang berkait rapat dengan industri pembinaan.

5. Semoga segala ilmu pengetahuan, pengalaman dan kepakaran yang dikongsi bersama menerusi mesyuarat seumpama ini memberi manfaat dan kebaikan bersama kepada kita semua. As **Viktor Frankl** said **“When We Are No Longer Able to Change A Situation, We Are Challenged To Change Ourseleves”**. Oleh itu, saya menyeru, ambillah tauladan dan pengajaran dari apa yang dilihat dan didengar pada mesyuarat kali ini dan seterusnya pertingkatkanlah kualiti sistem pencapaian dan perkhidmatan yang sedia ada demi kebaikan Jabatan dan rakyat.

Yang Amat Berhormat Dato’ Seri dan hadirin sekalian,

6. Pada program kali ini, para peserta juga boleh mengambil peluang menambahkan pengetahuan dan pengalaman melalui aktiviti Lawatan Sosial di beberapa lokasi menarik yang terdapat di Negeri Kedah, antaranya Muzium Padi, lawatan ke Pulau Langkawi dan Taman Tema Darulaman manakala Lawatan Teknikal pula adalah lawatan ke Kilang Aerospace, Bukit Kayu Hitam, Kilang Motorsikal Modenas dan Kolej TUDM.

7. Bersesuaian dengan tema persidangan ini iaitu ‘Aspirasi JKR pada Era IR. 4.0’, di mana revolusi ini di dorong oleh revolusi

digital atau rangkaian internet melalui aplikasi sistem siber fizikal. Ia boleh menjana pertumbuhan ekonomi, sosial dan pembangunan ke arah pendigitalan yang holistik. Revolusi 4.0 ini akan membabitkan semua sektor termasuk perkhidmatan awam yang tidak hanya meningkatkan produktiviti, malah bakal menjadikan kos lebih rendah dan hasil melonjak berlipat ganda. Inisiatif ini membabitkan bidang termasuk automasi, *robotic*, pengkomputeran awan (*cloud computing*), kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) dan Internet untuk segala-galanya (*Internet of Things*), di samping mengambil peluang dalam kemajuan bidang komunikasi. Umumnya boleh dikatakan Industri 4.0 ini akan memodenkan semua sektor di Malaysia yang menjurus ke arah pendigitalan sejajar dengan keperluan semasa.

8. Di samping sesi wacana ilmu, pameran Industri Pembinaan 2018 turut diadakan sepanjang mesyuarat diadakan. Pameran ini adalah terbuka kepada orang ramai dan merupakan waktu terbaik untuk orang awam mendapatkan info-info dan teknologi terkini dalam industri pembinaan. Secara tidak langsung, ia memberi pendedahan kepada rakyat akan fungsi dan peranan Jabatan Kerja Raya dengan lebih mendalam.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan hadirin sekalian,

KPI KEMENTERIAN

9. Seperti yang semua sedia maklum, Jabatan Kerja Raya merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan infrastruktur dan pembangunan negara serta merupakan penyumbang kepada pencapaian KPI Kementerian Kerja Raya pada setiap tahun. Justeru, Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) jabatan dan agensi di bawah Kementerian sentiasa diperhalusi dan dipersetujui bersama Pengurusan Tertinggi Peringkat Kementerian dan Agensi, setelah mengambilkira pandangan, keupayaan dan kebolehcapaian KPI tersebut. Ini bagi memastikan aspirasi kementerian dan jabatan dalam meniti arus Revolusi Industri 4.0 tercapai.

10. Saya menyeru agar mereka yang terlibat dalam melaksanakan KPI tersebut di peringkat Kementerian serta Agensi agar terus sentiasa berusaha memperkukuhkan inisiatif dan melonjakkan kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pendekatan yang lebih efektif, sistematik dan berkesan kerana saya berkeyakinan tinggi bahawa Kementerian dan agensi memiliki pegawai-pegawai yang berwibawa dan kompeten untuk merealisasikan hasrat ini.

PELAKSANAAN PROJEK SEMASA DI KEDAH

11. Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan pihak kerajaan Negeri dan sudah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk membantu pembangunan di negeri-negeri khususnya di Negeri Kedah. Dalam perkara ini Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya telah diamanahkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan infrastruktur semasa di Kedah. Antara projek yang masih dalam tempoh pembinaan adalah 4 projek iaitu:

- i. Jalan Sambungan Dari Lebuhraya Utara Selatan Ke Pulau Bunting (RM 226,214,704.50) yang dijangka siap pada September 2018;
- ii. Membina Jalan Baru Lencongan Timur Dari Persimpangan Jalan Tun Razak (K8/K368), Alor Setar, Kedah (Fasa 2A) yang dijangka siap juga pada tahun ini;
- iii. Membina Jalan Baru Lencongan Timur Dari Persimpangan Jalan Tun Razak, Alor Setar-Fasa 2B (Dari Jalan Datuk Kumbang Ke Jalan Tun Razak/ Jalan Langgar) yang dijangka siap pada Mac 2021;

iv. Hospital Pendang, Kedah (Reka & Bina) dan Naiktaraf Hospital Baling, Kedah yang kedua-duanya dijangkakan siap pada tahun 2021.

Saya juga difahamkan bahawa YAB Menteri Besar ada mencadangkan kepada Ketua Pengarah Kerja Raya tentang naik taraf jalan masuk ke Hospital Pendang. Perkara ini akan kita bantu untuk di bawa ke Kerajaan Pusat.

Tentang naik taraf Laluan 7 yang dibangkitkan oleh Exco Kerja Raya sebentar tadi, saya akan arahkan JKR untuk kumpul maklumat dan beri keutamaan.

Manakala projek yang telah berjaya disiapkan adalah:

- i. Membina Jalan Persekutuan (Laluan 67) Dari Pekan Sungai Petani, Daerah Kuala Muda Ke Pekan Tawar, Daerah Baling. 14.1- (Pakej 1) Dari Persimpangan Lencongan Timur Ke Persimpangan Laluan K620;
- ii. Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Jerlun, Kedah; dan

iii. Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar, Kedah.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan hadirin saya kasihi,

12. Mengakhiri ucapan, saya menyeru seluruh warga Kerja Raya dari setiap peringkat supaya di samping memberikan perkhidmatan terbaik, peranan kita sebagai penjawat awam pada masa ini sangat besar dan mencabar terutamanya dengan kehadiran lambakan teknologi gajet dan maya media sosial. Justeru, marilah kita bersama-sama menggunakan platform media sosial untuk menularkan perkara-perkara yang membawa kebaikan kepada kementerian dan jabatan serta agensi, memperkasakan *delivery system* demi kesejahteraan rakyat.

13. Doa saya agar Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya serta seluruh organisasi kerajaan terus mendapat keyakinan rakyat untuk terus memajukan negara. Mudah-mudahan tahun 2018 ini akan memberi lebih banyak kejayaan kepada Kementerian Kerja Raya dan jabatan serta agensi di bawahnya. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri

Mukhriz bin Tun Mahathir selaku Menteri Besar Kedah mewakili Kerajaan Negeri Kedah di atas kesediaan untuk bersama-sama kami memeriahkan Majlis Makan Malam ini.

*Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh tepi jambangan;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.*

Sekian, terima kasih.